



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PELANCARAN KEMPEN KIBAR BENDERA  
WILAYAH PERSEKUTUAN 2021**

**17 JANUARI 2021 (AHAD)  
8.00 PAGI  
DEWAN ARENA BUKIT KUDA, WILAYAH PERSEKUTUAN  
LABUAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Salam Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin,**

### **SALUTASI (AKAN DISERTAKAN SEMASA MAJLIS)**

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan dan meraikan Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan bagi tahun 2021.

2. Meskipun sambutan kali ini berlangsung dalam suasana yang cukup sederhana dan dalam persekitaran norma baharu, namun sambutan kali ini penuh bermakna. Ketika negara masih berjuang mendepani pandemik Covid-19, kita tetap menjayakannya dengan rasa hormat, cinta, sayang dan bangga terhadap Wilayah Persekutuan, negeri yang kita sanjungi. Syabas dan tahniah buat kita semua.

### **TEMA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021**

3. Pada tahun ini, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bertemakan “Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin”. Tema ini adalah selari dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan & Agensi dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Wilayah Prihatin yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup warga Wilayah Persekutuan.

4. Semangat “Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin” ini dizahirkan bukan sahaja oleh warganya yang terkesan akibat Covid-19, malahan mereka yang bertugas di barisan hadapan dan warga Wilayah Persekutuan daripada pelbagai lapisan masyarakat yang merupakan wira tidak didendang. Mereka tampil untuk memberikan bantuan dan sokongan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik. Ini petanda baik yang membuktikan warga Wilayah Persekutuan boleh bersatu sama ada di waktu susah apatah lagi di waktu senang.

5. Pada hakikatnya, semangat “Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin” ini juga perlu disemarakkan di segenap kehidupan masyarakat, bukan sahaja dalam usaha kita menamatkan terus wabak Covid-19, tetapi dalam usaha memulihkan semula ekonomi dan kehidupan rakyat ke arah yang lebih baik.

## **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Setiap 1 Februari merupakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) bagi memperingati pembentukan gagasan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974. Sepanjang Sambutan ini, pelbagai program bakal diadakan. Ini termasuk Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan secara serentak di tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pada hari ini. Program ini merupakan usaha Kerajaan dalam meningkatkan semangat patriotisme di kalangan warga Wilayah Persekutuan dan menyemarakkan rasa cinta dan bangga sebagai warganya.

7. Pelaksanaan program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 adalah berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini dalam mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Program-program yang akan dilaksanakan adalah berkonsepkan mesra rakyat dalam suasana norma baharu yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dan bukan acara yang bersifat ‘majlis keraian’.

8. Hanya penganjuran program dan aktiviti yang berimpak tinggi dan melibatkan rakyat secara terus sahaja akan dianjurkan sempena Sambutan pada tahun ini. Pengisian program SHWP 2021 di peringkat KWP dan Agensi dirangkumkan di bawah sepuluh (10) kluster utama iaitu, kluster pengiktirafan, ilmiah & kerohanian, perpaduan, kemiskinan & asnaf, perumahan, pendidikan, kebersihan & pengindahan, sukan, usahawan dan kehijauan.

9. 10 kluster tersebut menjadi teras pengisian utama SHWP 2021 yang melibatkan 48 program. Beberapa program baharu turut

dilaksanakan semasa SHWP 2021 di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Program Pencahayaan, Pameran Wilayah Persekutuan secara digital dan Ikon Wilayah Persekutuan. Bagi Program Pencahayaan Wilayah Persekutuan (*Light It Up Federal Territories*) saya menyeru kepada warga Wilayah Persekutuan termasuk semua pemilik premis sama ada bangunan kerajaan mahupun swasta serta kediaman persendirian dan kediaman komuniti, untuk bersama-sama memasang lampu warna bendera Wilayah Persekutuan secara *festive mood* di semua bangunan di Wilayah Persekutuan untuk turut menyertai program pencahayaan ini pada 31 Januari hingga 28 Februari 2021.

10. Bukan itu sahaja, program bersama komuniti turut dianjurkan dengan mengikut SOP yang ditetapkan seperti Kenduri Rakyat, Program Pembudayaan Semula Biodegrasi, Karnival Sukan serta program-program CSR dan *smart partnership* bersama badan-badan NGO's. Kesemua program telah dirancang dan disusun sepanjang bulan Februari ini inklusif kepada semua golongan dari yang muda, belia, keluarga dan seluruh komuniti di Wilayah Persekutuan agar hubungan rapat komuniti dapat dipereratkan selain menyantuni warga Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan dan kesejahteraan hidup warganya.

11. Penganjuran program-program ini adalah sebagai tanda solidariti dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan bagi menyatakan semangat muhibbah dan integrasi antara kaum serta menzahirkan rasa kasih sayang (*sense of belonging*) terhadap Wilayah Persekutuan. Malah pelaksanaan program-program ini juga menggunakan kaedah baharu yang selari dengan norma baharu serta tidak mengumpulkan orang ramai di sesuatu kawasan tetapi kemeriahannya tetap dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.

## **KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini merupakan *kick-off* kepada semua program dan acara rasmi yang telah disusun dan bakal dilaksanakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021. Tahun ini adalah sambutan kali yang ke-17 kita

meraikan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

13. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dirai dengan penuh kegembiraan dan ditonjolkan semangatnya melalui pengibaran bendera-bendera Wilayah Persekutuan oleh semua warga kota yang menjadi tonggak penyatuan kepada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

14. Bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, kita turut merayakan sambutan ini dengan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di rumah masing-masing, bangunan-bangunan pejabat dan premis perniagaan serta kenderaan kita. Tidak ketinggalan, ikon River of Life (ROL) bagi tahun ini, Ejen Ali, watak animasi super hero terkenal tanah air, turut sama menjayakan kibaran bendera Wilayah Persekutuan. Saya melihat usaha ini sebagai satu usaha yang mampu menarik minat golongan generasi Z untuk sama-sama menjayakan kempen kibar bendera Wilayah Persekutuan.

15. Kempen ini dilakukan pada setiap tahun sebagai tanda rasa cinta kita kepada Wilayah Persekutuan. Saya percaya perasaan cinta inilah yang boleh menjadi tali pengikat utama kepada perpaduan bangsa di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya. Sedarilah, bendera Wilayah Persekutuan merupakan lambang kedaulatan dan keharmonian warga Wilayah Persekutuan. Warna kuning, biru dan merah bendera Wilayah Persekutuan itu sendiri memberi maksud yang harus diamati.

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru seluruh warga Wilayah Persekutuan untuk sama- sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sebagai sokongan serta rasa cinta dan sayang terhadap Wilayah Persekutuan. Sokongan terhadap kempen ini juga akan menyerlahkan imej masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera.

## **HIDUPKAN SAMBUTAN HARI WILAYAH SECARA KREATIF**

17. Dikesempatan ini, saya ingin mengajak warga Wilayah Persekutuan supaya menghidupkan suasana Sambutan Hari Wilayah Persekutuan

yang akan disambut pada 1 Februari ini dengan penuh semangat patriotik walaupun negara berdepan ancaman pandemik Covid-19.

18. Setiap warga Wilayah Persekutuan boleh meraikan sambutan secara kreatif dan berkongsi gambar atau video menerusi media sosial dengan meletakkan tanda pagar (hashtag) #WilayahPersekutuanWilayahPrihatin dan #kibarbenderaWP. Kita galakkan rakyat mengambil gambar dan video serta berkongsi kreativiti mereka untuk menzahirkan Hari Wilayah Persekutuan. Walaupun tiada acara seperti biasa, tidak bermakna kita tidak boleh menghidupkan semangat sambutan negara secara bersama.

18. Marilah kita bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di sepanjang bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Kibarkan bendera ini dengan megah lambang kemasyhuran tiga negeri ini yang mempunyai identiti tersendiri. Sebagai warga Wilayah Persekutuan, ayuh kita memeriahkan sambutan dengan norma baharu walau di mana sahaja kita berada tanpa mengira umur, bangsa dan agama.

19. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus membuat segala perancangan dan persediaan acara pada hari ini serta program-program bagi mengisi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2021.

Sekian, Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.